

# AIA, Citi perkukuh kerjasama *bancassurance*

Oleh SHAHIZAM TAZALI

ekonomi@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR 9 April** - AIA Berhad (AIA) mengukuhkan kerjasama dengan Citi Malaysia (Citi) menerusi pelancaran saluran digital menyeluruh yang menawarkan pemegang kad kredit Citi pengalaman pembelian rangkaian produk insurans secara dalam talian yang selamat dan lancar.

Ketua Pegawai Eksekutif AIA, T. Anusha berkata, produk insurans pertama yang ditawarkan di bawah inisiatif itu adalah pelan insurans penyakit kritikal (CI) komprehensif AIA, CI Care Plus.

Katanya, CI Care Plus melindungi pelanggan Citi daripada 39 jenis penyakit kritikal serta komplikasi yang disebabkan penyakit diabetes sehingga usia 80 tahun dengan premium bulanan serendah RM38 dan perlindungan sehingga RM200,000.

"Pelanggan Citi juga akan menikmati manfaat tambahan seperti menerima 100 peratus jumlah perlindungan apabila tempoh polisi matang dan bayaran sekali gus kepada ahli keluarga sekiranya meninggal dunia. Pelan ini juga menyediakan pembayaran pendahuluan



**PENGURUS** Perniagaan Pelanggan Citi Malaysia, Elaine Fan (dari kiri) bersama Lee Lung Nien, T. Anusha dan Ketua Pegawai Penedaran Kerjasama AIA Berhad, Serrina Foo dalam majlis pelancaran AIA-Citi di Kuala Lumpur semalam.

bagi *angioplasty* dan rawatan untuk penyakit arteri koronari," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Citi Malaysia, Lee Lung Nien berkata, tawaran dalam talian adalah langkah terbaik bagi Citi untuk terus mara ke hadapan kerana melihat pendigitalan sebagai evolusi semula jadi perniagaan.

Katanya, perniagaan in-

surans Citi Malaysia bersedia memacu pertumbuhan dalam segmen digital.

CI Care Plus ditawarkan kepada pemegang kad kredit Citi yang merupakan warganegara atau penduduk tetap Malaysia dan berusia antara 18 hingga 55 tahun. Pelanggan boleh memilih empat jenis pelan berbeza dan menerima perlindungan serta-merta setelah melengkapkan pendaftaran.